

Newspaper

Berita Harian

Date

25 February 2016

TUBE tingkat ekonomi B40

BH - 25/2/2016

» Usahawan program berjaya wujudkan 848 peluang pekerjaan

Oleh Ahmad Fiesal Othman dan Hazwan Faisal Mohamad
bhbiz.bh.com.my

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) bagi melonjakkan pendapatan golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan membantu mewujudkan usahawan berjaya dalam kalangan belia bagi meningkatkan ekonomi golongan terbabit.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, berkata melalui program itu, ekonomi belia golongan B40 berjaya ditingkatkan sehingga ada yang menjadi usahawan berpendapatan tinggi.

"Apa yang saya dengar, program ini memang tepat sekali diadakan kerana ia membawa sinar cahaya pengharapan baru untuk melakukan perubahan besar kepada golongan belia.

"TUBE sudah mentransformasi kumpulan ini sehingga menjana pendapatan yang lumayan... Insyallah," katanya ketika berucap pada sesi 'Cetus Minda' Perdana Menteri bersama 1,000 peserta pada Majlis Apresiasi TUBE di Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) di



Najib bersalaman dengan peserta selepas Majlis Apresiasi TUBE di Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kuala Lumpur, semalam. (FOTO AIZUDDIN SAAD/BH)

Kuala Lumpur, semalam.

TUBE adalah satu daripada inisiatif SME Corporation Malaysia (SME Corp), dalam menyokong usaha kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) untuk melorjakkan pendapatan golongan B40 dan membantu mewujudkan usahawan berjaya dalam kalangan belia.

Program diteruskan

Program itu yang dilancarkan Perdana Menteri pada 29 Mac 2014 sudah memberikan impak positif kepada peserta yang terbabit yang mana daripada 448 belia Bumiputera yang menyertai TUBE kumpulan pertama, 99 peratus sudah memulakan perniagaan dengan keseluruhan nilai jualan tahunan terkumpul 2015 yang berjaya mencecah RM17.8 juta.

Usahawan TUBE sehingga ki-

ni juga sudah berjaya mewujudkan sejumlah 848 peluang pekerjaan.

Bagi TUBE kumpulan kedua yang menamatkan program pada November lalu turut menyaksikan tambahan penyeriaan hampir 11 peratus yang mana seramai 495 belia Bumiputera menyertainya.

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, Datuk Dr Hafshah Hashim, berkata berikutan kejayaan pelaksanaan TUBE kumpulan pertama dan kedua itu, program itu akan diteruskan dengan menyasarkan lebih ramai belia Bumiputera terbabit bagi meningkatkan taraf pendapatan mereka melalui bidang perniagaan.

"Kerajaan juga sudah memperuntukkan dana berjumlah RM45 juta untuk melaksanakan program itu dari 2016 hingga 2020, membabitkan pe-

runtukan RM9 juta setahun," katanya.

Sementara itu Hafshah berkata, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) negara sudah dipersiapkan bagi menghadapi persaingan dan pembukaan pasaran lebih meluas ekoran pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Katanya, mulai tahun 2010 lagi, pihaknya berusaha memantapkan PKS untuk menghadapi persaingan dan pembukaan pasaran berikutan penyeriaan Malaysia dalam Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang mana kira-kira 99 peratus produk PKS negara sudah tarif sifar.

Beliau berkata, pelaksanaan TPPA sekadar memperluaskan lagi skop itu dan SME Corp berharap PKS juga berupaya mengambil peluang dalam kalangan negara ahli TPPA.